

Pelantikan TPM tidak wajib dalam perlembagaan — Rais

UM 17 JUN 2003

KUALA LUMPUR 16 Jun — ^{sesiapa} juga yang dipilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak perlu melantik Timbalan Perdana Menteri **sekiranya** merasakan tidak perlu berbuat demikian setelah beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri kelak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berpendapat, isu jawatan **Timbalan Perdana Menteri tidak** perlu digembar-gemburkan kerana ia semata-mata diwujudkan oleh Perdana Menteri dan tidak disebut pun dalam Perlembagaan negara.

“Di bawah Perlembagaan tidak ada disebut jawatan Timbalan Perdana Menteri, hanya konvensyen, jadi jika Perdana Menteri **merasakan** tidak perlu ada timbalan, dia bebas berbuat demikian,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Mengulas kebimbangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai **perebutan** jawatan Timbalan Presiden” UMNO dalam **pemilihan parti** akan datang, Rais berkata, beliau **yakin** pimpinan Abdullah akan dapat mengamankan keadaan.

Katanya, ini berdasarkan ikrar yang dinyatakan oleh pemimpin UMNO pelbagai peringkat **untuk** menyokong

oleh Abdullah sebagai **timbalannya** kelak.

Bagaimanapun **ditanya sama ada** perebutan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO akan berlaku **juga** walaupun selepas Abdullah menamakan **timbalannya** dalam kerajaan, Rais berkata:

“Itu Allah sahaja yang tahu, kita tidak dapat **menduga** hati orang.”

Sementara itu, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta setiap ahli UMNO **mengambil** perhatian berat terhadap ingatan Dr. Mahathir mengenai perebutan jawatan dalam pemilihan **parti** akan datang.

Menurutnya, tumpuan sepatutnya diberikan **sepe-
nuhnya bagi** memastikan soal peralihan pimpinan **se-
cara** tersusun, kestabilan politik dan kekuatan UMNO di **samping** persiapan **meng-**
hadapi pilihan **raya**.

Muhyiddin melihat **pera-**
lihan kepimpinan **ini** **meru-**
pakan satu tempoh yang agak kritikal dan nasihat Presiden **parti** supaya ahli **menunjukkan** kesatuan dan perpaduan adalah **amat** **te-**
pat **untuk** masa depan **parti**.